

Penguasaan bahasa Inggeris elak keciciran kemajuan dunia

Dalam usaha kita memartabatkan bahasa Melayu di negara ini dan meningkatkannya menjadi antara bahasa yang dipertuturkan di seluruh dunia, tidak dinafikan bahawa kemahiran dan penguasaan bahasa Inggeris yang juga bahasa antarabangsa penting bagi memastikan masyarakat terutama generasi akan datang dapat menghadapi cabaran dunia global yang rata-rata menggunakannya.

Bahasa Inggeris kini ialah bahasa keempat (atau kemungkinan bahasa ketiga bergantung kepada sumber) paling banyak dituturkan di seluruh dunia (selepas bahasa Cina, Hindi dan secara pertikaian Sepanyol) dengan lebih 380 juta penutur di seluruh dunia.

Ia juga mempunyai status *lingua franca* atau bahasa perantara di

kebanyakan bahagian di dunia. Bahasa Inggeris pada masa ini adalah bahasa kedua paling banyak dipelajari di serata dunia.

Kebanyakan pelajar di seluruh dunia digalakkan mempelajari bahasa Inggeris. Tidak dinafikan, pengetahuan kerja dalam bahasa Inggeris digalakkan dalam banyak bidang dan pekerjaan pada masa ini.

Penguasaan bahasa lemah

Jika dilihat, ramai ibu bapa lebih gemar menghantar anak mereka ke institusi pendidikan menggunakan bahasa berkenaan sebagai bahasa utama baik di dalam negara mahupun di negara jiran.

Dewasa ini, masalah kelemahan menguasai bahasa Inggeris dapat dilihat kian serius dalam kalangan pelajar tidak kira pada peringkat sekolah rendah, menengah atau

institusi pengajian tinggi.

Ia berpunca daripada sikap dan pemikiran pelajar itu sendiri yang jarang mempraktikkan penggunaan bahasa Inggeris yang mereka pelajari dalam kehidupan seharian.

Kebanyakan pelajar didapati kurang membaca bahan ditulis di dalam bahasa terbabit. Lebih malang lagi, kebanyakan pelajar membaca bahan yang ditulis dalam bahasa Inggeris hanya apabila disuruh atau sekadar untuk lulus subjek bahasa Inggeris.

Sikap sambil lewa terhadap penggunaan bahasa terbabit perlu diubah supaya golongan muda tidak terus tercicir dalam penguasaan bahasa antarabangsa ini. Bahasa Inggeris mempunyai kepentingan besar di dalam hidup terutama generasi muda.

“
Penguasaan
bahasa Inggeris
bukan bermakna
mendaulatkan
bahasa yang
dianggap sebagai
‘bahasa penjajah’,
tetapi
memudahkan
kehidupan
bagi mengecapi
kemajuan dunia”

Setaraf era globalisasi

Bahasa Inggeris adalah bahasa global, bahasa kemajuan dan bahasa komunikasi yang utama selain bahasa Melayu. Penguasaan dalam bahasa Inggeris serta bahasa lain yang sudah mendapat tempat pada peringkat antarabangsa seperti bahasa Mandarin dan Arab juga amat penting untuk melayakkan seseorang berada setaraf dengan era globalisasi.

Seharusnya semua pihak berkaitan dengan isu kemahiran serta penguasaan bahasa Inggeris ada kesedaran terhadap kepentingan penguasaan bahasa ini.

Penguasaan bahasa Inggeris bukan bermakna mendaulatkan bahasa ini yang sering dianggap sebagai ‘bahasa penjajah’, tetapi dapat memudahkan kehidupan bagi mengecapi kemajuan dunia.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Universiti Sains Islam Malaysia